



Manuscript Title: Amerika Syarikat, Misi Judd dan Darurat di Tanah Melayu, 1948–1960

Authors: Noorilham Ismail

Accepted Date: 02-December-2021

Please cite this article as: Noorilham Ismail. 2021. Amerika Syarikat, Misi Judd dan Darurat di Tanah Melayu, 1948–1960. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

AMERIKA SYARIKAT, MISI JUDD, DAN DARURAT DI TANAH MELAYU, 1948-1960

UNITED STATES, JUDD MISSION AND EMERGENCY IN MALAYA, 1948-1960

Noorilham Ismail

Independent Researcher, Kota Tinggi, Johor, MALAYSIA

Email: noorilham_ismail@yahoo.com

ABSTRACT

This study centers on the discussion of the special mission visit of the United States of America to Malaya during national state of emergency in the year from 1948 until 1960. The Judd Mission visit took place in Malaya and other countries in Southeast Asia on 1953. To meet the objective of this study, the Judd Mission visit was assessed in terms of the benefit it has on Malaya as well as its importance at Southeast Asian level. The chronology of the discussion is then followed by its geostrategic importance which includes the distribution of economic aid for Malaya. To fulfill the aim of the study, a qualitative research approach was employed. An analysis on primary documents obtained from an archive was utilized to form a more informative and authoritative discussion of the research topic. The primary documents analyzed in this study were published papers such as documents from Foreign Relation of the United States (FRUS) and Pentagon Papers as well as other related primary documents available online. Additionally, this study also employed sources from The Department of State Buletin, Hathi Trust Digital Library and Public Papers of the President of the United States. All of the sources were analyzed, translated, organized and processed to form the chronology of discussion of the Judd Mission in Malaya. Secondary sources such as books, articles, journals and doctoral thesis were also utilized to build a more systematic narrative of the discussion. Lastly, this study concluded that the Judd Mission visit from the United States to Malaya during the national state of emergency brought forth geostrategic and economic importance for both parties.

Keywords: United States of America, Judd Mission, Malaya, emergency, Southeast Asia

ABSTRAK

*Kajian ini menumpukan perbincangan terhadap kunjungan misi khas daripada Amerika Syarikat ke Tanah Melayu dalam tempoh darurat sekitar tahun 1948 hingga 1960. Kunjungan Misi Judd itu telah dibuat pada tahun 1953 dengan turut melibatkan kawasan lain di Asia Tenggara. Untuk objektif kajian ini, pengirisan Misi Judd berkenaan dinilai dari segi kepentingannya ke atas Tanah Melayu sama ada dari segi kepentingan domestik mahupun pertimbangan di peringkat rantau Asia Tenggara. Kronologi perbincangan selanjutnya mencakupi soal kepentingan geostrategik termasuklah penyaluran bantuan ekonomi untuk Tanah Melayu itu sendiri. Untuk itu, kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen primer yang diperolehi dari arkib bagi menghasilkan hujahan yang lebih informatif dan autoritatif. Dokumen primer yang digunakan dalam kajian ini adalah dokumen yang telah diterbitkan seperti *Foreign Relations of the United States (FRUS)* dan *Pentagon Papers* serta dokumen primer atas talian, kajian ini telah menggunakan sumber daripada *The Department of State Buletin*, *Hathi Trust Digital Library* dan *Public Papers of the President of The United States*. Sumber-sumber tersebut telah dianalisis, diterjemah, disusun dan diolah bagi membentuk kronologi perbincangan berkenaan dengan kehadiran Misi Judd di Tanah Melayu. Sumber sekunder seperti buku, artikel, jurnal, dan tesis kesarjanaan turut digunakan untuk membina naratif perbincangan yang lebih sistematik. Pada akhirnya, kajian ini sampai ke kesimpulan bahawa pengirisan Misi Judd ke Tanah Melayu sewaktu darurat oleh Amerika Syarikat adalah penting dari segi pertimbangan geostrategik mahupun kepentingan ekonomi untuk kedua-dua belah pihak.*

Kata Kunci: Amerika Syarikat, Misi Judd, Tanah Melayu, darurat, Asia Tenggara

PENGENALAN

Penghantaran misi khas dari Amerika Syarikat iaitu Misi Judd ke Tanah Melayu pada tahun 1953 merupakan satu perkara penting yang jarang diberikan penekanan. Kepentingan ini terlihat pada konteks masa itu apabila Tanah Melayu berada dalam keadaan darurat selepas pentadbir British mengisytiharkannya pada bulan Jun, 1948 (Hara 2017). Meskipun Amerika Syarikat bukanlah kuasa imperialis yang menjajah Tanah Melayu berbanding British, tetapi kedudukan Tanah Melayu adalah penting untuk negara Uncle Sam itu sama ada dari segi perolehan bahan mentah mahupun posisi sebagai tapak geostrategik. Justeru, kajian ini akan memperjelas kedua-dua kepentingan berkenaan kepada Amerika Syarikat di sebalik penghantaran Misi Judd ke Tanah Melayu yang merupakan sebahagian daripada kunjungan misi berkenaan ke Asia Tenggara dari 9

November hingga 17 Disember 1953 (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, iii). Analisis akan dibuat dari segi keadaan domestik Tanah Melayu yang sedang melalui tempoh darurat di samping keadaan serantau di Asia Tenggara yang mengalami pelbagai krisis dalam tempoh kunjungan Misi Judd.

Bagi Misi Judd itu sendiri, program itu merupakan salah satu daripada sub perancangan dasar luar Amerika Syarikat untuk kawasan-kawasan yang dilihat penting oleh kuasa besar itu. Terdapat dua kali kunjungan yang telah dibuat oleh Misi Judd terhadap wilayah-wilayah di Asia khususnya menjelang pertengahan 1953. Untuk kunjungan yang pertama, misi tersebut telah diketuai oleh Walter H. Judd¹ (Minnesota, *Chairman, Special Study Mission to Southeast Asia and the Pacific*). Sebilangan kawasan di benua Asia telah dipilih sebagai lokasi kunjungan tersebut seperti Pakistan, India, Thailand dan Indochina (83d Congress, 1st session, Committee print 1953, ii). Hal ini untuk memastikan bahawa kawasan berkenaan tidak jatuh ke dalam pengaruh komunis yang ketika itu diterajui oleh Kesatuan Soviet dan Republik Rakyat China. Sewaktu program kali kedua inilah Tanah Melayu telah menjadi pilihan untuk dikunjungi oleh Misi Judd selain dari kawasan Formosa (Taiwan), Korea, Jepun, Hong Kong, Indochina (Vietnam, Laos dan Kemboja), Thailand (Siam), Burma, Indonesia, Filipina, Guam dan Okinawa dalam menyatakan komitmen Amerika Syarikat (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954). Untuk itu, kunjungan ke atas Tanah Melayu membuktikan bahawa Tanah Melayu tidak diabaikan dalam pertimbangan dasar luar Amerika Syarikat sewaktu Perang Dingin yang semakin memuncak pada ketika itu.

Sebelum ketibaan Misi Judd di Tanah Melayu, Amerika Syarikat telahpun menghantar beberapa misi ke Tanah Melayu bermula dengan Misi Jessup (Februari 1950), Misi Griffin (March 1950) dan Misi Melby (Ogos 1950). Kunjungan misi khas ini menandakan Amerika Syarikat semakin giat memberi perhatian kepada Asia Tenggara dan termasuklah Tanah Melayu seiring dengan kenyataan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Dean Acheson yang menyebutkan perlunya '*a New Day*' dalam konteks hubungan '*American-Asian*' berdasarkan '*mutual respect and helpfulness*' (*The Department of State Bulletin*, Vol XXII 1950, 118). Namun begitu, kunjungan Misi Judd ke Tanah Melayu lebih penting berbanding misi-misi yang telah dinyatakan tadi atas beberapa perkara iaitu:

- i. Misi Judd berfungsi sebagai penyalur bantuan dalam skala yang lebih besar untuk Tanah Melayu berhadapan dengan ancaman komunis dalam tempoh darurat.
- ii. Misi Judd tiba ke Tanah Melayu sewaktu rantau Asia Tenggara semakin kritikal kesan daripada pergolakan di Indochina.

Misi Jessup misalnya lebih tertumpu kepada usaha Amerika Syarikat bagi meninjau keadaan di Asia Tenggara pada awal tahun 1950 (FRUS 1950: East Asia and Pasific vol. VI, 69). Bagi Misi Griffin pula, meskipun misi tersebut turut menyediakan bantuan ke atas Tanah Melayu tetapi peruntukan bantuan berkenaan lebih kepada nilai dolar² berbanding kelengkapan ketenteraan seperti yang akan dijelaskan dalam bahagian berikutnya (PR 560/50 1950). Untuk Misi Melby, misi berkenaan merupakan reaksi Amerika Syarikat terhadap teretusnya Perang Korea yang dilihat berkait dengan keadaan di Tanah Melayu sehingga perlunya kunjungan ke atas kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor (RCP/RC/75/50(9) 1950). Walau bagaimanapun, Misi Melby ini tidak menyediakan keperluan untuk Tanah Melayu seperti yang diusahakan oleh Misi Judd pada penghujung tahun 1953. Dalam hal ini, Misi Judd turut memperlihatkan gambaran mengenai Tanah Melayu dan rantau Asia Tenggara bagi menjelaskan pendirian serta reaksi Amerika Syarikat terhadap kawasan berkenaan yang berkait antara satu sama lain sehingga misi ini turut dinamakan sebagai *Special Study Mission to Southeast Asia and the Pacific*.

Untuk tinjauan pada kajian terdahulu, masih belum ada mana-mana kajian yang mengangkat isu penghantaran Misi Judd oleh Amerika Syarikat di Tanah Melayu dalam tempoh darurat sebagai perbincangan utama. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian daripada pengkaji seperti Pamela Sodhy, Sah Hadiyatan Ismail, Wen-Qing Ngoei, Sue Thompson, Shakila Yacob dan Anthony J. Stockwell yang telah memberi perhatian terhadap kaitan Amerika Syarikat dengan Tanah Melayu sewaktu darurat. Pengkaji seperti Sodhy (1982) dan Stockwell (1994), kedua-dua mereka hanya membincangkan isu pengiriman Misi Judd ke Tanah Melayu dalam konteks hubungan dua hala antara Amerika Syarikat dengan wilayah jajahan British tersebut tanpa perbincangan yang khusus dalam konteks darurat. Sah (2009) dan Wen (2019) pula tidak menyentuh isu pengiriman Misi Judd ini meskipun kajian mereka berkisar kepada dasar luar Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara yang turut melibatkan Tanah Melayu dalam tempoh 1950-an. Di samping itu, Thompson (2019) dan Shakila (2008) pula lebih memberi keutamaan kepada analisis terhadap kepentingan ekonomi Amerika Syarikat ke atas Tanah Melayu selain daripada rantau Asia Tenggara itu sendiri. Justeru, kekosongan dalam kajian terdahulu, cuba untuk diisi oleh kajian ini bagi mengangkat kepentingan Misi Judd yang dihantar oleh Amerika Syarikat ke Tanah Melayu dalam tempoh darurat.

Dalam kajian ini, pendekatan yang digunakan adalah dari segi kajian ke atas dokumen-dokumen dari arkib yang terpilih. Sumber-sumber tersebut diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, *National Archive of Singapore* (NAS), *The National Archive* (TNA), London, di samping *National Archives and Records Administration* (NARA) di Maryland. Selain itu, dokumen yang telah diterbitkan seperti *Foreign Relations of the United States* (FRUS) dan *Pentagon Papers*,

dokumen primer atas talian seperti *The Department of State Buletin* dan *Public Papers of the President of The United States* serta sumber dari *Hathi Trust Digital Library* turut digunakan dalam kajian ini. Bagi sumber-sumber atas talian dalam kajian ini, dokumen tersebut merupakan bahan dari arkib yang telah didigitalisasikan untuk kemudahan akses para pengkaji bahkan perkara ini turut diguna pakai oleh sarjana-sarjana yang mengkaji sejarah Amerika Syarikat. Dalam masa yang sama, bahan seperti memoir dan sumber sekunder yang lain dalam bentuk buku, tesis kesarjanaan, akhbar dan jurnal berkaitan turut digunakan dalam kajian ini dalam menghasilkan hujahan bersifat objektif.

PENGISYTIHARAN DARURAT DI TANAH MELAYU DAN REAKSI AWAL AMERIKA SYARIKAT

Selepas tersebarnya berita pembunuhan tiga pengurus ladang berbangsa Eropah iaitu Arthur Walker, John A. Allison dan I. D. Christian di Estet Sungai Siput, pentadbir British kemudiannya mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu. Pengisytiharan tersebut dibuat oleh Sir Edward Gent (Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu) dan perkara tersebut telah dikirim oleh beliau ke London melalui satu kiriman telegram. Pembunuhan ini telah dijadikan alasan oleh pentadbir British di Tanah Melayu untuk membolehkan mereka mengisytiharkan darurat bermula 16 Jun 1948 hingga 31 Julai 1960 (Stockwell 1995, 19). Sepanjang tempoh darurat ini, banyak tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbir British sama ada perkara tersebut bersifat sekatan politik, operasi ekonomi mahupun kawalan sosial termasuklah tindakan bersifat geostrategik melalui kerjasama dengan anggota Komanwel seperti Australia dan New Zealand. Usaha-usaha ini dibuat oleh pentadbir British dan telah dilihat oleh Amerika Syarikat sebagai satu pendekatan dalam kalangan blok demokrasi liberal untuk mengekang pengaruh komunis. Dengan itu, Amerika Syarikat berpendirian bahawa tanggungjawab untuk menghapuskan gerakan komunis adalah tanggungjawab bersama bagi menjaga kepentingan blok demokrasi liberal dari segi geostrategik mahupun kepentingan ekonomi.

Dari segi tindakan berbentuk politik, pentadbir British telah melancarkan penangkapan ke atas golongan nasionalis kiri Melayu bermula dengan penangkapan Ahmad Boestamam (Boestamam 2004, 249). Hal ini diikuti dengan pengharaman parti kiri Melayu seperti PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Barisan Tani Se-Malaya (BATAS) dan Hisbul Muslimin (HM) (Ahmat Adam 2013). Ekoran daripada itu, anggota-anggota daripada pecahan parti tersebut yang masih terselamat telah bertindak lari ke dalam hutan sebelum melancarkan gerakan balas dalam bentuk serangan gerila di bawah rejimen ke-10 sewaktu darurat telah diisytiharkan. Ironinya, PKM hanya diharamkan pada 23 Julai 1948 kira-kira lima minggu selepas darurat

diisytiharkan (CAB 128/13 CM 52 (48)5 1948). Di sinilah timbulnya persoalan sama ada darurat tersebut diisytiharkan atas sebab keganasan komunis ataupun tidak.

Selain itu, tindakan dalam bentuk sekatan ekonomi turut dilakukan oleh pentadbir British sepanjang 12 tahun darurat di Tanah Melayu. Terlebih dahulu, pada 14 Jun 1948, British telah mengharamkan *Pan-Malayan Federation of Trade Union* (PMFTU) yang dilihat sebagai satu kesatuan sekerja berskala besar yang dipengaruhi oleh pihak PKM (Leong 1999, 210). Pada asasnya, penubuhan PMFTU ini adalah untuk memastikan hak pekerja di Tanah Melayu terjamin dan pertubuhan ini telah dianggotai oleh golongan kiri yang berbilang kaum melalui latar belakang pekerjaan berbeza seperti para pekerja industri pembuatan, industri seni, sektor awam dan buruh ladang (Abdullah 2005). Tidak cukup dengan itu, pentadbir British kemudiannya telah mengharamkan bentuk tabungan politik dalam kalangan kesatuan sekerja yang bertujuan untuk menyokong gerakan golongan nasionalis (Leong 1999, 100). Apabila darurat telah diisytiharkan, kegiatan radikal oleh PKM telah bertambah dalam bentuk serangan gerila ke atas kawasan kepentingan ekonomi British seperti kawasan perlombongan bijih timah dan ladang-ladang getah sebelum gerakan PKM itu melakukan pembunuhan ke atas Sir Henry Gurney (Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu) pada bulan Oktober 1950. Lanjutan daripada itu, keadaan kritikal sewaktu darurat diperakui sendiri oleh Setiausaha Tanah Jajahan British, Oliver Lyttelton (Lord Chandos) dalam memoirnya selepas kunjungan beliau ke Tanah Melayu pada 1951.

The situation was far worse than I had imagined: it was appalling... I have had experience of the Brigade of Guards, the most highly great joint stock companies and Government Departments, all faced at times with dangers and difficulties in their various spheres, but I had never seen such a tangle as that presented by the Government of Malaya. The last High Commissioner had been murdered five months before my arrival.³

Tindakan dalam bentuk politik dan ekonomi dalam tempoh darurat turut disusuli dengan langkah kawalan sosial. Perkara ini termasuklah penetapan pada penggunaan kad pengenalan, halangan daripada berhimpun lebih daripada lima orang, sekatan untuk membawa senjata api di samping pengenalan kepada Rancangan Briggs (CAB 21/1681, MAL C(50)23 1950). Melalui rancangan Briggs, penduduk setinggan Cina telah dipindahkan ke penempatan baru yang kemudiannya dinamakan sebagai Kampung Baru (*New Village*) untuk mengesahkan antara penduduk setinggan Cina dengan PKM (CAB 21/2884 1951). Hal ini bagi memastikan agar bekalan makanan dan minuman di samping maklumat perisikan dapat diputuskan daripada diperolehi oleh anggota PKM.

Penyaluran maklumat dalam anggota PKM tidak terbatas semata-mata kepada hubungannya dengan golongan massa tetapi mereka turut berupaya menggerakkan aktiviti pembawa maklumat dengan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita (Ho 2020, 145). Selepas darurat diisytiharkan, pentadbir British turut memperketat kawalan sempadan dengan Siam melalui persetujuan yang dicapai dengan Perdana Menteri kerajaan Thailand, Phibun Songkram (FO 800/462, FE/49/18 1949).

Di samping itu, British turut membentuk *Anglo-New Zealand-Australia and Malaya (ANZAM Arrangement)* pada bulan September 1948 dalam usaha mengekang ancaman komunis. Hal ini penting untuk British kerana komitmen kerjasama berkenaan membolehkan ketiga-tiga negara saling bertukar-tukar maklumat mengenai ancaman komunis di samping pembekalan senjata serta kelengkapan ketenteraan (A5954/41). Meskipun *ANZAM Arrangement* bukanlah satu bentuk pakatan ketenteraan ataupun organisasi pertahanan seperti *North Atlantic Treaty Organization (NATO)* di Eropah, tetapi kumpulan kerjasama dalam kalangan negara komanwel ini turut memerlukan negara terlibat menghantar peralatan ketenteraan untuk membendung kawasan lingkungan dari sebarang ancaman. Bersebelahan dengan Tanah Melayu pula, pentadbir British telah menjadikan Singapura sebagai “*naval bases*” untuk menjadi jalan penghubung kepada Hong Kong di bahagian Timur Asia di samping pangkalan untuk penyaluran maklumat ketenteraan dari Granada, Cyprus dan Gibraltar (Hack 2006, 227). Menjelang tahun 1954, pakatan ANZAM ini masih relevan dan menjadi semakin penting untuk British bagi mendepani ancaman secara maritim oleh komunis China yang berpotensi menerima sokongan angkatan tentera laut Kesatuan Soviet (A5954 1455/1 1954). Justeru, segala tindakan oleh pentadbir British sepanjang darurat diisytiharkan adalah bersifat menyeluruh dan kolektif sama ada dari segi domestik Tanah Melayu mahupun usaha dalam bentuk serantau bagi menghadapi ancaman daripada komunis lalu meletakkan Tanah Melayu sebagai pentas Perang Dingin.

Dalam hal ini, wujud persoalan mengenai kedudukan Amerika Syarikat pada awal perisytiharan darurat di Tanah Melayu. Persoalan tersebut adalah dari segi, apakah reaksi Amerika Syarikat terhadap pengisytiharan darurat di Tanah Melayu? Bagaimanakah reaksi tersebut diperlihatkan dalam bentuk tindakan yang bersifat praktikal? Kedua-dua persoalan tersebut ternyata dapat dijawab melalui tindakan daripada Amerika Syarikat dalam membantu pentadbir British di Tanah Melayu sebagai salah satu bentuk reaksi awal terhadap darurat itu sendiri. Penglibatan Amerika Syarikat ini sekali gus telah membawa darurat sebagai satu konflik antarabangsa yang berkait dengan tindakan British pada peringkat awal di peringkat domestik dan secara kolektif menerusi campur tangan negara-negara Komanwel yang disebutkan sebelum ini. Bagi Amerika Syarikat, pentadbir British dilihat tidak mempunyai bukti untuk mengaitkan pembunuhan

tiga orang pengurus berbangsa Eropah sebelum ini dengan tindakan ganas daripada PKM. Konsulat Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, William L. Blue menyatakan perkara ini seperti berikut:

... they [the British Officials] had no conclusive proof that the violence and murder was due to Communist activities, but that they are convinced of it...they did not know the aim of the present activities unless it was to ruin the economy of the country and create chaos so that many of the people might consider that the Government could not cope with the situation (RG59 846E.00/6-2848 1948)

Perkara tersebut menunjukkan bahawa Amerika Syarikat mengikuti setiap perkembangan berkaitan darurat di Tanah Melayu melalui pejabat konsulatnya di Kuala Lumpur yang ketika itu baru sahaja sembilan bulan ditubuhkan. Penubuhan pejabat konsulat pada 6 Oktober 1947 itu pada dasarnya telah membuktikan bahawa wilayah Tanah Melayu bukanlah sesuatu yang asing dalam pentadbiran dasar luar Amerika Syarikat (NS 1106/50 1950). Untuk itu, pejabat konsulat berkenaan turut berfungsi sebagai lokasi yang memantau sebarang perkembangan mengenai ancaman komunis di rantau Asia Tenggara. Syarikat-syarikat multinasional Amerika Syarikat seperti Yukon Gold Company, United States Rubber Company dan Ford Malaya turut terkesan dengan ketidakstabilan yang berlaku akibat pengisytiharan darurat (Shakila 2008, 2-3). Dalam reaksi awal Amerika Syarikat ke atas darurat di Tanah Melayu, kuasa besar tersebut kemudiannya telah menghantar bekalan senjata untuk kegunaan anggota syarikat multinasionalnya ketika itu. Antara pembekalan kelengkapan tersebut termasuklah “1082 revolvers and pistols, 207,300 revolver pistol-cartridges, 14 rifles, 32,100 rifle cartridges, 48 submachine guns and 39,300 submachine guns cartridges” (Sodhy 1982, 98). Kesemua senjata berkenaan telah diagihkan melalui penghantaran kapal terbang di kawasan perlombongan dan perladangan yang berkaitan Amerika Syarikat di Tanah Melayu. Meskipun bantuan tersebut hadir dalam kuantiti yang kecil, tetapi senjata berkenaan dapat menjadi bukti bahawa Amerika Syarikat tidak mengabaikan sama sekali Tanah Melayu dalam dasar luar pentadbirannya.

Pada masa yang sama, pihak Washington turut memperakui bahawa ancaman Komunis di Tanah Melayu itu mempunyai hubung kaitnya dengan pengkalan komunis dari luar terutamanya yang berpusat di Bangkok, Thailand (*FRUS 1950: East Asia and Pasific* vol VI, 11). Selain itu, menerusi keterangan surat kiriman oleh Setiausaha Luar Kerajaan British, Sir Ernest Bevin (1945-1950), Amerika Syarikat turut berpendirian bahawa ancaman Komunis dari Tanah Besar China turut memperkuat gerakan PKM di peringkat domestik Tanah Melayu. Gerakan komunis dipercayai menyusup masuk dengan merentasi kawasan

Segenting Kra selain daripada penyebaran risalah propaganda khususnya dari Singapura. Keadaan ini kemudiannya menjadikan perhatian Amerika Syarikat lebih serius ke atas Tanah Melayu menjelang tahun 1950 sehingga kuasa besar tersebut telah menghantar Misi Jessup untuk meninjau keadaan di Tanah Melayu dari 4 hingga 7 Februari 1950. Secara umumnya, Misi Jessup ini merupakan usaha awal Amerika Syarikat untuk menunjukkan komitmen dasar luarnya terhadap rantau Asia Tenggara dan telah diterima baik oleh pihak British. Menurut Setiausaha Luar kerajaan British, Sir Ernest Bevin sebelum kunjungan Misi Jessup, “*Dr. Jessup’s forthcoming tour in Southeast Asia would lead to a greater realisation by the United States*” (CAB 129/37/44 C.P (49) 244).

Melalui laporan Misi Jessup pada 3 April 1950, kawasan Indochina dikatakan sebagai “*key area*” yang mendorong peluasan pengaruh komunis dari luar ke Tanah Melayu:

Japan, Korea, the Philippines, Malaya, and Indonesia are to be considered less critical spots but are not to be neglected...actual war existing in many areas in Korea, Indo-China, Malaya, and Burma, there was a hot war (*FRUS 1950: East Asia and Pasific vol. VI, 69*)

Berdasarkan petikan daripada laporan Misi Jessup di atas, jelas bahawa situasi di Tanah Melayu sedang berada dalam situasi perang panas (*hot war*) antara pentadbir British dengan PKM. Lanjutan daripada itu, Misi Jessup telah memaklumkan kepada pentadbiran Amerika Syarikat di Washington supaya tidak mengabaikan kawasan ini daripada terus terdedah dengan ancaman komunis. Jika diperhatikan dengan teliti, gesaan daripada Misi Jessup ini bukanlah satu retorik atau gesaan yang tidak bersungguh daripada pihak misi khas oleh Amerika Syarikat. Hal ini kemudiannya terbukti melalui pengiraman Misi Griffin ke Tanah Melayu pada bulan Mac tahun 1950 (PR 560/50 1950). Melalui misi ini, sebanyak USD410,000 (MD1,066,000) telah disalurkan dalam bentuk dana tunai kepada pentadbir British untuk membantu pembukaan kawasan-kawasan baru khususnya dalam program Rancangan Briggs. Misi Griffin melihat peruntukan ini sebagai dana awal daripada sejumlah USD22 juta (MD57.2 juta) yang diperlukan oleh Tanah Melayu secara berperingkat sehingga ke tahun 1955.⁴ Bantuan tersebut turut hadir dalam bentuk kepakaran guru berbahasa Cina dan bahan bacaan untuk sekolah-sekolah Cina supaya murid-murid sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu tidak terdedah dengan bahan bacaan berunsur komunis. Keadaan tersebut turut dapat menyelaraskan dan menyelesaikan masalah komunalisme dalam bangsa Cina yang terdiri daripada 36.5 peratus Hakka, 30 peratus Hokkien, 15.7 peratus Kantonis, 3.5 peratus Hainan dan secara kasarnya, suku Kwongsai dan Teochew sebanyak 7 peratus (Harper 2001, 159).

Selain daripada soal hubungan diplomatik, keberadaan pejabat konsulat Amerika Syarikat di Kuala Lumpur turut bermotifkan ekonomi import-eksport. Untuk itu, pentadbiran pejabat konsulat yang dikendalikan oleh William L. Blue berfungsi untuk menguruskan hal ehwal kegiatan ekonomi Amerika Syarikat di Pantai Barat dan Pantai Utara Semenanjung Tanah Melayu.⁵ Dalam hal ini, Tanah Melayu ternyata penting buat Amerika Syarikat dari segi pertimbangan ekonomi dalam tempoh awal darurat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 dan jadual 2 mengenai nilai import dan eksport antara Amerika Syarikat dengan Tanah Melayu.

Jadual 1: Exports (Malayan \$000.000) by Countries, 1948-1950

To/Year	U.S.A.	Canada	American account countries*	Total
1948	458.3	44.3	16.5	519.1
1949	430.3	36.0	19.5	485.8
1950	1048.2	98.3	48.5	1,195.0

Jadual 2: Imports (Malayan \$000.000) by Countries, 1948-1950

From/Year	U.S.A.	Canada	American account countries*	Total
1948	209.2	22.8	11.0	243.0
1949	112	18.2	4.9	135.8
1950	89.0	16.4	3.7	109.1

* U.S. Dependencies, Philippine Islands, Bolivia, Columbia, Costa Rica, Cuba, Dominican Republic, El Salvador, Equador, Guatemala, Haiti, Honduras (not British), Mexico, Nicaragua, Panama, Venezuela.

Sumber: FS 12948/50, *Federation of Malaya – Annual Report 1950 by Deputy Economic Secretary*, 17 April 1951. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Hal demikian diperkukuhkan lagi apabila Amerika Syarikat kemudiannya telah membuka sebuah lagi pejabat konsulat di Pulau Pinang pada bulan Oktober 1950 dan kali ini fungsi pejabat konsulat itu adalah untuk mengawasi kawasan perdagangan Amerika Syarikat di bahagian Asia Tenggara. Antara kawasan perdagangan yang tertakluk di bawah pengawasan pejabat konsulat di Pulau Pinang, termasuklah pantai barat Thailand (Chiengmai), pantai Sumatera (Indonesia pada hari ini), Phnom Penh (Kemboja), dan Vientiane (Laos) (*The Department of State Bulletin* vol. 24 1950, 986.)

Tempoh dari pertengahan 1948 hingga 1953 jelas menunjukkan satu kenyataan penting bahawa Amerika Syarikat tidak mengabaikan sama sekali Tanah Melayu dalam dasar luarnya. Meskipun Amerika Syarikat bukanlah pihak yang pernah

menjajah Tanah Melayu, tetapi atas komitmen sebagai pemimpin blok demokrasi liberal, pihak Washington telah memberi beberapa bantuan kepada pentadbir British berlandaskan kepentingan yang telah disebutkan sebelum ini. Untuk itu, Presiden Amerika Syarikat, Harry S. Truman telah menyifatkan usaha memerangi komunis di bahagian Asia sebagai satu tanggungjawab bersama dan perkara ini telah ditegaskan dengan kenyataan, "*The fight against Communist aggression in the Far East is the fight against Communist aggression in the West and in the whole world as well (Public Papers of the Presidents: Harry S. Truman 1951, 268)*". Dengan itu, reaksi awal Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu ini kemudiannya telah memacu perhatian Amerika Syarikat untuk bertindak lebih serius dalam memerangi ancaman komunis khususnya menjelang ketibaan Misi Judd.

KEADAAN DOMESTIK DI TANAH MELAYU DALAM TEMPOH KUNJUNGAN MISI JUDD TAHUN 1953

Menjelang kedatangan Misi Judd, keadaan domestik di Tanah Melayu masih lagi berada dalam situasi darurat. Keadaan ini disaksikan sendiri oleh Walter H. Judd sepanjang beliau dan pasukannya berada di Tanah Melayu. Dari perspektif Misi Judd, kawasan Tanah Melayu itu sendiri terdiri daripada satu wilayah yang ditadbir oleh pentadbir British yang di dalamnya terkandung negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Bagi Singapura, kawasan tersebut diperintah secara berasingan daripada Persekutuan Tanah Melayu dan ditadbir oleh seorang Gabenor. Laporan daripada Misi Judd menyebutkan bahawa 2.8 juta orang penduduk berbangsa Melayu telah menjadi minoriti di dalam tanah air mereka sendiri kesan daripada kemasukan imigran asing (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 69). Sewaktu ketibaan Misi Judd, Tanah Melayu sedang ditadbir oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang baru iaitu Sir Gerald Templer (1952-1954) dan dibantu oleh timbalannya, Sir MacGillivray. Laporan daripada Misi Judd turut menyifatkan bahawa pentadbir British di bawah Templer semakin giat memerangi gerakan komunis yang terdiri daripada 95 peratus anggota berbangsa Cina di samping beliau turut mempersiapkan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 70).

Selain itu, Misi Judd turut melihat Tanah Melayu sebagai kawasan perolehan ekonomi yang penting bukan sahaja kepada British, bahkan pada Amerika Syarikat. Perolehan ekonomi berkenaan terletak kepada dua perkara dari segi pelabuhan perdagangan di samping bekalan bahan mentah. Untuk kawasan pelabuhan perdagangan, Misi Judd melihat bahawa Pulau Pinang dan Singapura berfungsi sebagai pelabuhan import dan eksport yang menghubungkan kawasan-

kawasan lain di Asia untuk kemudahan transit kapal-kapal dagang. Bagi pembekalan bahan mentah, Tanah Melayu merupakan “*sterling area*” untuk British dan “*dollar pool*” untuk Amerika Syarikat melalui pembekalan bijih timah serta getah asli (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 72). Tidak hairanlah apabila Pesuruhjaya Tinggi bagi Tanah Jajahan British di Asia Tenggara, Sir Malcolm MacDonald telah menggesa kepada Sir Edward Gent pada 22 Jun 1948 supaya mempersiapkan sekurang-kurangnya 10,000 anggota keselamatan untuk diletakkan di bahagian estet-estet dan kawasan perlombongan (White 1998, 166-167). Komoditi lain yang berupaya dibekalkan oleh Tanah Melayu termasuklah bijih besi, minyak sawit, minyak kelapa, nanas, kayu balak, produk perikanan, bauksit dan koko (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 72). Oleh hal yang demikian, Tanah Melayu ternyata begitu strategik bagi perolehan sumber ekonomi untuk Amerika Syarikat di samping berfungsi sebagai kawasan untuk tujuan pertahanan di rantau Asia Tenggara.

Pada tahun 1952, Amerika Syarikat telah melihat Tanah Melayu sebagai kawasan penting di penghujung Tanah Besar Asia Tenggara dari segi kedudukan geostrategik. Kepentingan ini dinilai dari aspek kedudukan geografi Tanah Melayu itu sendiri yang terletak bersebelahan dengan Singapura di bahagian selatan Semenanjung manakala di bahagian utara bersebelahan dengan Thailand yang dipisahkan oleh Segenting Kra seperti yang ditunjukkan dalam Peta 1.

Untuk kedudukan Selat Melaka, kawasan tersebut menjadikan Tanah Melayu sebagai kawasan pertengahan bagi akses ke lautan Hindi dan bahagian Timur Jauh yang mencakupi laluan perdagangan di samping lingkungan pertahanan. Tanah Melayu juga berfungsi sebagai penghubung dari segi angkatan tentera laut dan laluan untuk angkatan tentera pihak Barat selain daripada pangkalan komunikasi untuk maklumat ketenteraan. Amerika Syarikat menyifatkan bahawa Tanah Melayu sebagai ‘*final defense*’ bagi pihak Barat di Tanah Besar Asia Tenggara sekiranya Indochina, Thailand dan Burma jatuh ke tangan komunis (FRUS: 1952-1954 *East Asia and the Pacific* vol. XII Part 1, 246). Kenyataan ini menggambarkan bahawa Tanah Melayu bukanlah satu wilayah marginal dalam pemetaan dasar luar Amerika Syarikat dan hal ini turut berkait dengan kepentingan sekutunya terutama British yang masih menjajah Tanah Melayu kerana mereka berkongsi kepentingan yang sama dari segi geostrategik (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954)



Peta 1: Tanah Besar dan Kepulauan Asia Tenggara

Sumber: Nicholas Tarling, *Britain, Southeast Asia and the Onset of the Cold War, 1945-1950*. New York: Cambridge University Press, 1998.

Pada tahun 1953, pentadbir British telah memperkemas aspek pertahanan melalui perantikan Sir Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Judd telah memperakui bahawa kehadiran Templer telah menambah baik operasi untuk membendung gerakan komunis ketika itu (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954). Templer telah menjelajah ke seluruh Tanah Melayu bagi memenangi hati dan pemikiran penduduk (*hearts and minds*) menerusi bantuan pendidikan, kesihatan dan keselamatan dari ancaman komunis (Dixon 2009, 353). Templer juga telah berusaha untuk menyediakan ruang demokrasi bagi meningkatkan penyertaan politik dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Hal ini telah ditunjukkan dalam bentuk pilihan raya tempatan kawasan Kuala Lumpur untuk melatih penduduk Tanah Melayu khususnya di kawasan bandar dalam penglibatan politik. Perkara ini berlandaskan satu arahan daripada kabinet kerajaan British di London yang menyatakan:

The policy of His Majesty's Government in the United Kingdom is that Malaya should in due course become a fully self-governing nation... It will be your duty to guide the peoples of Malaya toward the attainment of these objectives and to promote such political

progress of the country as will without prejudicing the campaign against the terrorist, further our democratic aims in Malaya... Communist terrorism is retarding the political advancement and economic development of the country and the welfare of its peoples. Your primary task in Malaya must, therefore, be the restoration of law and order... (PREM 11/639 H20-22 1952)

Lanjutan daripada arahan yang diterima dari London, Templer kemudiannya telah berusaha untuk membasmi gerakan komunis melalui usahanya meningkatkan kekuatan pertahanan misalnya telah ditambah daripada 10,000 orang polis pada tahun 1948 kepada 67,025 orang pada tahun 1952 dengan hampir 40,000 orang askar yang berkhidmat bagi mempertahankan keselamatan Tanah Melayu.⁶ Mengenai penglibatan dalam pilihan raya, perkara tersebut telah membuka ruang kerjasama terutamanya antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina dan India untuk mewujudkan demokrasi dan perkara ini telah diperakui oleh konsul Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, Eric Kocher pada 18 Februari 1954 sebagai penentu masa depan politik di Tanah Melayu (2012/01020 1954). Perkara inilah yang dilihat oleh Misi Judd sebagai keperluan untuk Tanah Melayu bukan sahaja wujud sebagai sebuah pemerintahan demokrasi tetapi bebas daripada gerakan subversif oleh organisasi komunis (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954). Keadaan ini telah memaksa organisasi PKM mengendurkan gerakan radikal mereka dengan melakukan satu perjalanan panjang menuju ke Selatan Thailand dengan merentasi hutan dari Pahang hingga ke Perak sebelum tiba di Kelantan (Rashid 2005, 55). Hal ini terpaksa dilakukan oleh individu-individu PKM seperti Abdullah C. D., Rashid Maidin dan Ibrahim Chik untuk kemandirian gerakan PKM.

Keberkesanan segala tindakan daripada Templer turut diperakui oleh Timbalan Presiden Amerika Syarikat (1953-1961) iaitu Richard Nixon sewaktu kunjungannya ke Tanah Melayu pada pertengahan 1953. Nixon mencatatkan perkara ini dalam memoir beliau:

In Kuala Lumpur I met with the High Commissioner, Field Marshal Sir Gerald Templer, a wiry, tough, emotional leader... Both Templer and his wife worked closely with the local leaders and treated them with respect and dignity... (Nixon 1978, 122).

Melalui kenyataan yang telah dibuat oleh kepimpinan tertinggi Amerika Syarikat mengenai darurat di Tanah Melayu, jelas bahawa kuasa besar itu sememangnya mengikuti perkembangan ancaman komunis yang berlaku. Amerika Syarikat benar-benar serius dalam membendung setiap ancaman komunis yang semakin meluas di Asia Tenggara menjelang tahun 1950-an. Untuk Tanah Melayu, Amerika Syarikat berpendirian bahawa keupayaan pentadbir British pasti dapat menghapuskan sama sekali gerakan PKM. Kaitan tersebut diperkukuhkan lagi

menerusi laporan Misi Judd yang menyebutkan bahawa keberkesanan operasi memerangi gerakan PKM itu turut dibantu oleh penduduk Tanah Melayu sendiri yang mempunyai perasaan anti-komunis. Dengan itu, Misi Judd menyebutkan bahawa:

The arrival of General Templer in early 1952 was followed by a stepped-up concerted drive against the guerrillas. By the end of 1953 a number of areas had been cleared, the economic life of the country had undergone marked recovery, and morale was greatly improved. Large-scale attacks have been reduced and surrenders are more numerous. Yet the hard-core guerrillas are about the same numerically and incidents continue. New recruits come from the ranks of Chinese youth. Given the terrain and the tactics, it is doubtful that the Communists can be flushed out completely (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 72).

Dalam hal ini, Misi Judd telah menguatkan kenyataan bahawa Tanah Melayu sememangnya penting dalam arena Perang Dingin antara blok Demokrasi Liberal dengan blok komunis. Hanya keupayaan dari segi strategi dan kebijaksanaan sahaja yang mampu menentukan pihak yang akan memenangi pertembungan tersebut. Namun begitu, laporan Misi Judd mengakui bahawa Amerika Syarikat tidak akan terlibat secara langsung mengenai keadaan di Tanah Melayu atas sebab keberadaan pentadbir British sebagai kuasa yang bertanggungjawab ke atas Tanah Melayu. Bagaimanapun, perkara tersebut tidak bermakna bahawa Amerika Syarikat enggan memberi sebarang bantuan kepada pentadbir British yang sedang memerangi PKM. Untuk itu, Amerika Syarikat telah memperuntukkan bantuan peralatan ketenteraan kepada pentadbir British sewaktu kunjungan Misi Judd melalui penyaluran bantuan dalam bentuk 1000 buah helikopter perang di samping 1000 laras senapang karbin di bawah *Mutual Defense Assistance Program (MDAP)* (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 73). Seiring dengan bantuan tersebut, sejumlah USD400,000 (MD1,040,000) turut diberikan untuk Tanah Melayu bagi tujuan program pembangunan dan pembinaan di bawah *Economic Cooperation Administration (ECA)*. Tindakan daripada Amerika Syarikat ini telah membantu imperialis British untuk mengekalkan status imperialisnya manakala di pihak kepimpinan elit Melayu, Tunku Abdul Rahman telah mengakui bahawa menjelang Februari 1954, pengaruh komunis telah berjaya dilemahkan bahkan pengaruh tersebut tidak dapat mempengaruhi organisasi politik berhaluan kanan (2012/01020 1954).

KEADAAN SERANTAU DAN KAITANNYA DENGAN TANAH MELAYU DALAM TEMPOH KUNJUNGAN MISI JUDD 1953

Semasa kunjungan Misi Judd ke Tanah Melayu, situasi di rantau Asia Tenggara sememangnya bercampur baur dengan gerakan dan ancaman komunis menerusi perspektif Amerika Syarikat. Keadaan ini berlaku khususnya di bahagian Indochina dan kemudiannya menganjur ke Burma, Thailand, Filipina dan Indonesia lalu Misi Judd itu sendiri merupakan alternatif oleh Amerika Syarikat bagi memastikan Asia Tenggara tidak jatuh ke tangan komunis. Untuk rantau Asia Tenggara, pihak Washington telah meletakkannya sebagai kawasan penting yang akan menentukan kedudukan Amerika Syarikat di bahagian Timur Jauh sejak dari tahun 1949 (RG 273, Records of the National Security Council, Modern Military Branch, NSC 51 1949). Menerusi laporan daripada Misi Judd, ancaman komunis berkenaan dicirikan sebagai *third round* (pusingan ketiga) yang menunjukkan perubahan dalam pendekatan organisasi tersebut. Bagi pusingan pertama, Misi Judd berpendirian bahawa pengaruh komunis itu mulai tersebar selepas tahun 1945 sebaik sahaja Perang Dunia Kedua berakhir melalui usaha untuk membentuk koalisi dalam kalangan negara-negara baru merdeka. Kemudiannya, Misi Judd telah memperincikan pusingan kedua ancaman komunis dengan menggariskan tahun 1948 sebagai tempoh bermulanya taktik secara gerila dan radikal oleh komunis seperti yang terjadi di Burma, Indonesia serta Tanah Melayu. Untuk pusingan ketiga, Misi Judd menyifatkan bahawa:

... the third round has begun – a shift back to conciliation and a “peace” offensive their principal tactical weapons rather than reliance upon armed uprisings and physical violence... not only in Asia but around the world, to their former tactics of respectability in a “united front.” The danger is that now this technique may find a more ready response among war-weary people (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 99).

Pusingan ketiga ancaman komunis itu lebih kepada gabungan antara pendekatan radikal dan strategi secara kerjasama. Perubahan pendekatan itu berlaku tidak semata-mata di bahagian Asia tetapi turut melibatkan lanskap gerakan komunis di peringkat global. Hal ini dilihat oleh Misi Judd mampu untuk mempengaruhi penduduk-penduduk di kawasan terlibat khususnya mereka yang sudah penat melalui fasa-fasa peperangan. Situasi ini menandakan bermulanya persaingan dalam bentuk baharu antara blok demokrasi liberal dengan blok komunis melalui usaha kedua-duanya memperluaskan kuasa.

Menjelang awal 1950-an, kawasan di Asia Tenggara sememangnya terdedah dengan ancaman komunis khususnya dari bahagian Indochina. Perancis misalnya telah menyatukan wilayah Laos, selatan Vietnam dan Kemboja dalam satu

pentadbiran dan wilayah selatan Vietnam sendiri diperakui sebagai kawasan di bawah penguasaan Maharaja Bao Dai lalu perkara ini telah diiktiraf oleh Amerika Syarikat.⁷ Amerika Syarikat turut membentuk hubungan baik dengan pemimpin Kemboja iaitu Maharaja Norodom Sihanouk dengan penyaluran bantuan kewangan sebanyak USD7,800,000 termasuk bantuan melalui pengiriman Misi Melby pada bulan Ogos 1950 (Clymer 2004, 26; C14/RG59 1950). Sewaktu kunjungan Misi Judd, peruntukan bantuan kelengkapan ketenteraan turut ditambah menerusi *Military Assistance Advisory Group* (MAAG) dengan peralatan seperti peralatan kecil ketenteraan (peluru), kenderaan pengangkutan, kenderaan tempur, set radio, roket dan mortar (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 49). Untuk Burma pula, bantuan dalam bentuk pembangunan ekonomi di kawasan delta Sungai Irrawaddy telah diberi penekanan oleh Amerika Syarikat melalui penyaluran USD10 juta (Oktober 1950), USD3 juta (Februari 1951) dan USD25 juta (Jun 1952) (Foley 2010, 88). Bagi kerajaan Thailand misalnya, Amerika Syarikat telah memperuntukkan sebanyak USD10 juta di samping penyediaan sejumlah 97 penasihat ketenteraan yang berpangkalan di Bangkok (Fineman 1997, 147). Namun begitu, bahagian selatan Thailand dilihat oleh Misi Judd sebagai kawasan yang terdedah dengan ancaman gerakan komunis dari Tanah Melayu dan perkara ini disebutkan sebagai:

The Malayan Chinese Communist guerrillas have long used certain remote border areas of southern Thailand as rest and training centers. They are to be in contact with Communist Chinese in Thailand... joint operations against the communists are conducted on both sides of the border (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 56).

Selain itu, bahagian kepulauan Asia Tenggara turut tidak diabaikan oleh Amerika Syarikat menjelang kunjungan Misi Judd pada penghujung tahun 1952. Dari segi pertahanan geostrategik misalnya, Amerika Syarikat telah mewujudkan *Mutual Defense Treaty* (MDT) pertahanan dengan kerajaan Filipina pada 30 Ogos 1951 (*The Department of State Bulletin* vol. 25 1951, 422-423). Usaha ini tidak lain adalah untuk memastikan kawasan Asia Tenggara yang menganjur ke lautan Pasifik kekal bebas daripada ancaman komunis Soviet serta China. Untuk kerajaan Indonesia pula, Amerika Syarikat telah memperuntukkan bantuan ketenteraan di bawah *Mutual Security Act* (MSA) melalui Artikel 511(a) (5 Januari) dan Artikel 511(b) (Oktober) dalam bentuk bantuan ekonomi dan peralatan ketenteraan menerusi perjanjian dengan kabinet Perdana Menteri Indonesia, Sukiman pada tahun 1952 (Mason 2006, 119). Tindakan ini dilihat oleh Amerika Syarikat sebagai satu usaha yang perlu bagi mewujudkan hubungan baik dengan kerajaan di bahagian kepulauan Asia Tenggara itu tadi yang dilihat penting dari segi kedudukan geostrategik dan kawasan perolehan ekonomi.

Kenyataan daripada Misi Judd telah memperkukuhkan lagi pendirian tersebut apabila Indonesia dikatakan perlu untuk terus berada dalam hubungan yang baik dengan Amerika Syarikat bagi mengelakkan kawasan tersebut tidak termasuk dalam orbit komunis (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954, 89).

Berdasarkan laporan Misi Judd juga, gelombang ancaman komunis di peringkat Asia Tenggara sememangnya semakin meluas pada separuh pertama dekad 1950-an. Perkembangan ini berlaku kesan daripada siri-siri serangan komunis di kawasan Indochina ke atas kolonial Perancis. Perkara ini secara tidak langsung telah mengesahkan kenyataan Misi Judd yang menyifatkan gerakan komunis ketika itu sebagai pusingan ketiga dalam kalangan kawasan yang berada di bawah pentadbiran kolonial Barat. Amerika Syarikat turut berpendirian bahawa Tanah Melayu juga tidak terkecuali daripada terdedah dengan ancaman komunis di Asia Tenggara. Peluasan ancaman komunis di luar Tanah Melayu khususnya di bahagian Tanah Besar Asia Tenggara turut diperakui oleh sekutu rapat Amerika Syarikat iaitu British melalui pengakuan Sir Anthony Eden (Setiausaha Pejabat Luar Kerajaan British, 1951-1955):

If the French position in Indo-China collapsed, the consequences would be extremely grave. Not only Thailand, but also Malaya, Burma and Indonesia would be exposed to eventual absorption by Communism (Eden 1960, 95).

Menyedari bahaya daripada ancaman berkenaan, Amerika Syarikat kemudiannya telah menyediakan tambahan bantuan untuk kawasan-kawasan di Asia Tenggara termasuklah Tanah Melayu. Perkara ini pada asasnya bukanlah untuk kepentingan penduduk peribumi di kawasan terbabit, tetapi hal tersebut lebih kepada kepentingan Amerika Syarikat dan sekutunya yang berada di Asia Tenggara. Bagi Tanah Melayu, tempoh pasca kunjungan Misi Judd telah menyaksikan bahawa sebanyak USD700,000 (MD1,820,000) telah diberikan untuk peruntukan perbelanjaan untuk tahun 1953 dan 1954 (*FRUS 1952-1954: East Asia and The Pasific*, vol. XII Part 1, 380). Bantuan ini dikhaskan bagi mempertingkatkan keupayaan, komunikasi dan jaringan perisikan pentadbir British di Tanah Melayu dalam memerangi PKM. Peruntukan yang diluluskan di bawah NSC 5405 ini jelas menjadi satu kesinambungan antara bantuan dari pakej yang ditawarkan oleh Misi Judd sebelum ini (*FRUS 1952-1954: East Asia and The Pasific*, vol. XII Part 1, 380).

Meskipun Misi Judd telah kembali ke Amerika Syarikat dari kunjungannya ke atas Tanah Melayu, tetapi bantuan dalam bentuk keperluan pertahanan masih berterusan untuk pentadbir British dalam menghapuskan saki-baki gerakan PKM sewaktu darurat. Menjelang tahun 1954, keadaan di Tanah Melayu bergerak ke arah kondisi lebih baik meskipun perubahannya secara perlahan-lahan dari segi

jumlah serangan radikal PKM. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat masih menghulurkan bantuan melalui pembekalan 15 buah helikopter yang dihantar secara berkala untuk keperluan pentadbir British dalam tahun 1954 dan 1955 (CAB 129/74/44 1955). Tidak cukup dengan itu, Amerika Syarikat turut menghantar “*Parachute Regiment*” (Skuad Payung Terjun) untuk operasi ketenteraan khususnya bagi melumpuhkan kawasan persembunyian PKM di dalam hutan (CAB 129/74/44 1955). Situasi ini kemudiannya membawa kesan yang lebih positif menurut perspektif Amerika Syarikat apabila Sir Donald Charles MacGillivray kemudiannya dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada 1 Jun 1954 untuk menggantikan Sir Gerald Templer (CO 1022/98 1954). Dalam keadaan ini, satu kesimpulan yang dapat dibuat adalah dari segi kepentingan Tanah Melayu untuk Amerika Syarikat dalam konteks Perang Dingin dengan blok komunis. Sekali gus, bantuan yang diberikan ke atas Tanah Melayu khususnya melalui Misi Judd dan pasca misi tersebut telah menjadi serampang dua mata sama ada dalam bentuk usaha menghapuskan gerakan komunis di samping alat pengukuhan hubungan antara Amerika Syarikat dengan Persekutuan Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengiriman Misi Judd ke Tanah Melayu pada penghujung tahun 1953 ternyata telah memberi kesan penting untuk Tanah Melayu dari segi geostrategik mahupun ekonomi. Untuk kepentingan geostrategik, Tanah Melayu ternyata dapat dipertahankan daripada jatuh ke tangan komunis dalam konteks Perang Dingin yang semakin memuncak menjelang awal 1950-an. Meskipun kunjungan Misi Judd yang telah dibincangkan sebelum ini jelas memperlihatkan percaturan persaingan oleh blok demokrasi liberal di bawah pimpinan Amerika Syarikat, tetapi setidak-tidaknya, misi khas tersebut telah menjadi sebahagian alternatif untuk menghapuskan gerakan radikal PKM di Tanah Melayu. Menerusi aspek ekonomi pula, kehadiran Misi Judd telah menjadi satu daripada saluran bantuan dalam bentuk dolar tunai untuk pembangunan ke atas Tanah Melayu. Asas-asas hubungan yang telah wujud antara Amerika Syarikat dengan Tanah Melayu ini kemudiannya menjadi titik penting apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Justeru, melalui kunjungan Misi Judd yang telah dibincangkan tadi, perkara penting yang dapat dirumuskan adalah dari segi pentingnya Tanah Melayu dalam dasar luar Amerika Syarikat. Meskipun pada tempoh kunjungan misi khas berkenaan, Tanah Melayu masih lagi dijajah oleh British, tetapi Amerika Syarikat tetap tidak mengabaikannya sebagai sebahagian daripada entiti politik global. Pengaruh komunis yang semakin meluas di bahagian-bahagian dunia hingga menganjur ke Asia telah dilihat oleh Amerika Syarikat sebagai ancaman ke atas

Tanah Melayu. Sebaik sahaja darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960, Amerika Syarikat telah menyifatkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sahabat dalam memerangi ancaman komunis yang telah dinyatakan sendiri oleh Presiden Dwight D. Eisenhower sewaktu kunjungan Tunku Abdul Rahman ke Washington (*The Department of State Bulletin* vol. 43 1960, 783). Dengan itu, peristiwa kunjungan Misi Judd sewaktu Tanah Melayu berada dalam tempoh darurat telah menjadi sebahagian daripada catatan dalam lipatan sejarah hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia yang kekal sehingga ke hari ini.

NOTA

1. Sebelum Walter H. Judd memimpin misi khas Amerika Syarikat ke Tanah Melayu, beliau sememangnya berpengalaman melalui penglibatannya dalam dasar luar Amerika Syarikat khususnya di Timur Jauh. Judd telah terlibat secara langsung dalam program untuk membantu regim Chiang Kai Shek pada tahun 1949 selain daripada lantang menyuarakan pandangan dalam isu Perang Korea di kongres. Beliau juga salah seorang daripada pentadbir Amerika Syarikat yang berpegang kepada teori domino seperti yang ditunjukkan oleh Presiden Harry S. Truman dan Presiden Eisenhower (Goodno 1970, 301). Untuk Misi Judd di Tanah Melayu, individu seperti Marguerite Stitt Church (Republican-Illinois), E. Ross Adair (Republican-Indiana), and Clement J. Zablocki (Democrat-Wisconsin), Albert C. F. Wetphal (Staff Consultant); George O. Gray (Department of State Escort Officer), Colonel John H. Caughey (Department of Defense), and Justin Williams (Foreign Operations Administration) telah turut ditugaskan mengiringi Walter H. Judd sepanjang misi berlangsung (83d Congress, 2d session, House report no. 2025 1954).
2. Sistem mata wang di Tanah Melayu telah diseragamkan penggunaannya dengan sistem mata wang di NNS pada tahun 1938 selepas cadangan daripada Laporan Sir Basil Blackett (Pegawai British dan pakar kewangan antarabangsa). Mata wang dolar Tanah Melayu (MD/M\$) telah digunakan sejak itu sehingga tahun 1967. Penetapan sistem mata wang ini membolehkan urusan perdagangan antarabangsa dari Tanah Melayu melalui pihak British dapat ditadbir dengan lebih berkesan meskipun pada tempoh selepas ia diperkenalkan, situasi global tidak menentu dengan tercetusnya Perang Dunia Kedua (Joséphine 2016, 6).
3. Pesuruhjaya yang dimaksudkan oleh Oliver Lyttleton Viscount Chandos dalam kenyataan memoirnya adalah Sir Henry Gurney (Lyttelton 1963, 366). Perkara ini diperakui sendiri oleh anggota Komunis dan terbukti melalui catatan Abdullah C. D. (2005, 96) dalam memoirnya.
4. Peruntukan tersebut disediakan untuk tujuan pembukaan kawasan baru bagi program pembinaan penempatan dan jalan perhubungan sepanjang 450 batu. Sebanyak 20 buah traktor dari Amerika Syarikat turut dibekalkan termasuk bahan-bahan dan peralatan binaan bangunan di kawasan-kawasan terbabit khususnya dalam negeri Pahang (PR 560/50 1950).
5. Kawasan ekonomi yang berada di bawah pengawasan konsulat Amerika Syarikat di Kuala Lumpur termasuklah Terengganu, Pahang, Perak (Perak bawah, daerah Dinding dan Batang Padang), Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

- Manakala untuk konsulat di Pulau Pinang, liputan kawasannya adalah di Perlis, Kedah, Perak (perak atas, Selama, Krian, Larut, Matang, Kuala Kangsar dan Kinta) dan Kelantan. Sila rujuk, NS 1106/50 *American Consular Districts*, 10 Ogos 1950, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Konsul pertama Amerika Syarikat yang dilantik di Tanah Melayu ialah William L. Blue yang telah berkhidmat sehingga awal 1950-an (*The Department of State Bulletin* vol. 17 1947, 838).
6. Terdapat juga lebih daripada 40,000 orang tentera di Persekutuan Tanah Melayu yang terdiri daripada 25,000 orang askar British, 10,000 orang askar Gurkha, lima batalion rejimen askar Melayu, satu batalion dari Afrika dan satu batalion rejimen Fiji, sejumlah 60,000 orang anggota polis sepenuh masa dan hampir 200,000 orang *Home Guard* yang berkhidmat dalam mempertahankan keamanan di Tanah Melayu (WO 106/5990 1957).
 7. Rejim Bao Dai telah diiktiraf oleh Amerika Syarikat untuk membentuk pentadbiran di bahagian Vietnam Selatan pada bulan Januari 1950 dan perkara ini turut melibatkan sokongan Amerika Syarikat terhadap politik berhaluan kanan yang dipimpin oleh Ngo Dinh Diem (*Pentagon Papers* 1950-1954: Part II vol. 1, 55).

BIBLIOGRAFI

Sumber Primer

- 2012/01020, *Views of UMNO President Rahman*, 18 Februari 1954, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- 83d Congress, 1st session, Committee print. *Report of Special Study Mission to Pakistan, India, Thailand and Indochina*, 6 May 1953. Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/uiug.30112101031588>
- 83d Congress, 2d session, House report no. 2025. *Special Study Mission to Southeast Asia and the Pacific, Foreign Affairs Committee*, 29 January 1954. Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/umn.31951d03599152i>
- A5954/41 n. d. *ANZAM Planning for Defense of Malaya*, Singapore: National Archive Singapore.
- A5954 1455/1. Report on ANZAM Planners Meeting – Singapore, December 1954, Study No. 2, *Defence of Malaya in War, Part II, War with China Alone*, 1954. Singapore: National Archive of Singapore.
- C14/RG59, *The Melby Erskine Report*, 6 Ogos 1950, Singapore: National Archive Singapore.
- CAB 128/13 CM 52 (48)5. *Proscription of the Malayan Communist Party: Cabinet Conclusions*, 23 July 1948. London: The National Archive.
- CAB 129/37/44 CP (49) 244. *Southeast Asia and the Far East – Conference of H. M. Representatives and Colonial Governors*, 29 November 1949. London: The National Archive.
- CAB 129/74/44. *Malaya: Review of the Situation*, 6 April 1955. London: The National Archive.

- CAB 21/1681 MAL C(50)23. *Federated Plan for the Elimination of The Communist Organisation and Armed Forces in Malaya' (The Briggs Plan): Report by COS for Cabinet Malaya Committee*, 24 May 1950. London: The National Archive.
- CAB 21/2884. *Conclusions of The British Defence Co-ordination Committee (Far East)* (Telegram dated 15 November 1951), Annex I, *The Situation in Malaya*, Memorandum by the Secretary of State for the Colonies, 20 November 1951. Singapore: National Archive of Singapore.
- CO 1022/98. *Replacement of General Sir Gerald Templer with Sir Donald MacGillivray as High Commissioner for the Federation of Malaya*, 17 Jun 1954. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- FO 800/462, FE/49/18, *Siamese Finance Minister*, 1 September 1949, London: The National Archive.
- FS 12948/50, *Federation of Malaya – Annual Report 1950 by Deputy Economic Secretary*, 17 April 1951. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Foreign Relations of the United States (FRUS): 1950. East Asia and Pasific vol. VI. Memorandum of Conversation by The Large (Jessup)*, 6 February 1950. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- _____ 1950. *East Asia and Pasific vol. VI. Memorandum of Conversation by Mr Charlton Orgburn, Policy Information Officer, Bereau of Far Eastern Affairs*, 3 April 1950. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- _____ 1952-1954: *East Asia and The Pasific*, vol. XII, Part 1. *Report by the Staff Planners to the Military Representatives to the ANZUS Council*, 25 November 1952. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- _____ 1952-1954: *East Asia and The Pasific*, vol. XII, Part 1. *NSC 5405, Statement of Policy by The National Security Council on United States Objectives and Courses of Action with Respect to Southeast Asia*. 16 Januari 1954. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- NS 1106/50. *American Consular Districts*, 10 Ogos 1950. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Pentagon Papers. The Bao Dai Solution. In U.S. Involvement in the Franco-Viet Minh War, 1950-1954, Part II, vol. 1, The Defense Department History of United States Decision Making on Vietnam*. Boston: Baecon Press, The Senator Gravel Edition, Maryland: National Archives and Records Administration. 5890486: <https://www.archives.gov/research/pentagon-papers>
- PR 560/50. Press Conference by Mr. R. A. Griffin, In *Visit of the Griffin Mission*, 20 March 1950. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- PR 560/50. ECA Press Release, In *Visit of the Griffin Mission*, 27 Disember 1950. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- PREM 11/639 H 20-22. *Directive issued by Mr. Lyttelton on Behalf of HMG*, 1 February 1952. London: The National Archive.
- Public Papers of the President of The United States. Address at a Dinner of the Civil Defence Conference, 7 May 1951. *Harry S. Truman, 1951, Containing the Public Messages, Speeches, and Statements of The President*. Washington: Office of the Federal Register, National Archives and Records Service, General Services Administration: <http://name.umdl.umich.edu/4729041.1951.001>
- RCP/RC/75/50 (9), *Visit of American Military Mission*, 11 Ogos 1950. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- RG 273, Records of the National Security Council, Modern Military Branch, NSC 51. *United States Policy towards Southeast Asia, A Report to the National Security Council by the Secretary of State*, 29 March 1949. Maryland: National Archives and Records Administration.
- RG59 846E.00/6-2848, General Records of the Department of State. *William L. Blue to Secretary of State*, 28 Jun 1948, 23 Jun 1948. Maryland: National Archives and Records Administration.
- The Department of State Bulletin, 1947. Consular Offices. In *The Foreign Service*, 26 October 1947, vol. 17. Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/uiuo.ark:/13960/t3030dx8k>
- _____ 1950. Consular Offices, In *The Foreign Service*, 18 December 1950, vol. 24, Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/msu.31293008121224>
- _____ 1950. *The New Day for Asia*, 23 Januari 1950, vol. 22 Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/osu.32437010893382>
- _____ 1951. *Mutual Defense Treaty with Philippines Signed*, 10 September 1951, vol. 25, Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/msu.31293008121257>
- _____ 1960. *Exchange of Toast*, October 26 (White House Press Release dated October 26), In *Prime Minister of Malaya Visit to Washington*, 21 November 1960, vol. 43. Washington: U.S. Government Printing Office. Hathi Trust Digital Library: <https://hdl.handle.net/2027/mdp.39015077198961>
- WO 106/5990, *Review of The Emergency In Malaya from June 1948 to August 1957 by The Director of Operations, Malaya*, September 1957. Singapore: National Archive of Singapore.

Sumber Sekunder

- Abdullah Che Dat. 2005. *Memoir Abdullah C. D (Bahagian Pertama): Aman Pergerakan Sehingga 1948*. Petaling Jaya: Strategic Information Reseach Development.
- Ahmad Boestamam. 2004. *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah Dalam Api*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmat Adam. 2013. *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Clymer, Kenton. 2004. *The United States and Cambodia, 1870-1969: From Curiosity to Confrontation*. New York: Routledge.
- Dixon, Paul. 2009. 'Hearts and Minds'? British Counter-Insurgency from Malaya to Iraq. *The Journal of Strategic Studies*, 32(3): 353-381. <https://doi.org/10.1080/01402390902928172>
- Eden, Anthony. 1960. *The Memoirs of Sir Anthony Eden: Full Circle*. London: Cassel.
- Fineman, Daniel. 1997. *A Special Relationship: The United States and Military Government in Thailand, 1947-1958*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Foley, Matthew. 2010. *The Cold War and National Assertion in Southeast Asia: Britain the United States and Burma, 1948-1962*. New York: Routledge.

- George, Josephine. 2016. The Malayan Currency Board, 1938-1967. *Studies in Applied Economics* (Kertas Kerja, 53, Johns Hopkins Institute for Applied Economics, Global Health, and Study of Business Enterprise).
- Goodno, Floyd Russel. 1970. *Walter H. Judd: Spokesman for China in the United States House of Representatives*. PhD diss., Oklahoma State University.
- Hack, Karl. 2006. Imperialism and Decolonisation in Southeast Asia: Colonial Forces and British World Power. In *Colonial Armies in Southeast Asia*, eds. Karl Hack and Tobias Rettig. New York: Routledge.
- Hara, Fujio. 2017. *The Malayan Communist Party as Recorded in the Comintern Files*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Harper, T. N. 2001. *The End of Empire and the Making of Malaya*. New York : Cambridge University Press.
- Ho Hui Ling. 2020. Lee Meng: Wanita Komunis yang Menggemparkan Dunia. *Kajian Malaysia*, 38(1): 141–167. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.7>
- Leong Yee Fong. 1999. *Labour and Trade Unionism in Colonial Malaya: A Study of the Socio-Economic and Political Bases of the Malayan Labour Movement, 1930-1957*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lyttelton, Oliver. 1963. *The Memoirs of Lord Chandos*. London: The Bodley Head.
- Mason, Richard. 2006. Nationalism, Communism and the Cold War: the United States and Indonesia during the Truman and Eisenhower Administration. In *Reflections on Southeast Asian History Since 1945*, eds. Richard Mason and Abu Talib Ahmad. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nixon, Richard. 1978. *The Memoirs of Richard Nixon*. New York: Grosset & Dunlop.
- Rashid Maidin. 2005. *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.
- Sah Hadiyatan Ismail. 2009. *The American Connection and Australian Policy in Southeast Asia, 1945-1965*. PhD diss., Queensland: The University of Queensland.
- Shakila Yacob. 2008. *The United States and the Malaysian Economy*, New York: Routledge.
- Sodhy, Pamela. 1982. *Passage of Empire: United States-Malayan Relations to 1966*. Published PhD diss., Michigan: University Microfilms International.
- Stockwell, A. J. 1994. A Widespread and long-connected plot to overthrow government in Malaya? The Origins of Malayan Emergency. In *Emergencies and Disorder in the European Empires after 1945*, ed. Robert F. Holland, 66-88. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- _____ ed. 1995. *BDOEE: Series B. Malaya: Part II: The Communist Insurrection 1948-1953*, vol. 3. London: HMSO.
- Suriani Abdullah. 2006. *Memoir Suriani Abdullah: Setengah Abad dalam Perjuangan*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.
- Tarling, Nicholas. 1998. *Britain, Southeast Asia and the Onset of the Cold War, 1945-1950*. New York: Cambridge University Press.
- Thompson, Sue. 2019. *The United States and Southeast Asian Regionalism: Collective Security and Economic Development, 1945-75*. New York: Routledge.
- Wen-Qing Ngoei. 2019. *Arc of Containment: Britain, the United States, and Anticommunism in Southeast Asia*. Ithaca: Cornell University Press.

White, Nicholas J. 1998. Capitalism and Counter-Insurgency? Business and Government in the Malayan Emergency, 1948-57. 32(1): 149-177.
<http://www.jstor.org/stable/312972>